




PENUNJUK EKONOMI MALAYSIA


INDEKS PELOPOR, SERENTAK & SUSULAN APRIL 2025

INDEKS PELOPOR TERUS BERTUMBUH 0.5 PERATUS PADA APRIL 2025,
MENGGAMBARKAN EKONOMI KEKAL BERDAYA TAHAN

Indeks Komposit Pelopor (2015=100) dan Perubahan Tahunan (%)




Nota: Ramalan hala tuju ekonomi oleh Indeks Komposit Pelopor secara purata bagi 4 hingga 6 bulan ke hadapan




Indeks Komposit Pelopor, Perubahan Bulanan (%)

Sumbangan Setiap Komponen terhadap Perubahan Indeks Komposit Pelopor daripada bulan Sebelumnya



Nota: April 2025 | Mac 2025

Indeks Komposit Pelopor (Arah Aliran Jangka Panjang = 100) dan Kitaran Perniagaan (Kawasan Berlorek Kelabu), Januari 1991 hingga April 2025



Indeks Pelopor terus bertumbuh 0.5 peratus pada April 2025, menggambarkan ekonomi kekal berdaya tahan

- Indeks Pelopor (IP) April 2025 mengekalkan pertumbuhan tahunannya yang positif pada kadar 0.5 peratus, mencatatkan 113.6 mata berbanding 113.0 mata pada bulan yang sama tahun sebelumnya.
- Peningkatan dua digit dalam Import Benar Semi Konduktor (27.2%) dan Bilangan Syarikat Baru Didaftar (24.1%) menyumbang kepada pertumbuhan ini, walaupun empat komponen lain menunjukkan penurunan.
- Selaras dengan itu, prestasi bulanan IP mencatatkan peningkatan bagi bulan kedua berturut-turut dengan 0.8 peratus, disokong oleh kenaikan 0.5 peratus dalam Bilangan Syarikat Baru Didaftar.
- Kadar pertumbuhan IP terlicin bagi April 2025 kekal berada di bawah 100.0 mata, mencerminkan prospek ekonomi Malaysia yang berdaya tahan disokong oleh pasaran buruh yang positif dan permintaan domestik yang berterusan. Asas-asas ini diperkukuhkan lagi oleh peningkatan perbelanjaan isi rumah dan corak penggunaan yang menggalakkan.

